

07 NOV 2002

Azalina-Puteri (Bergambar)

PUTERI UMNO TUMPU USAHA TAMBAH ANGGOTA

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Menggiatkan usaha untuk menambahkan anggota adalah antara tumpuan utama pergerakan Puteri Umno, yang kini sempurna pembentukannya selepas pemilihan pada minggu lepas.

Ketuanya Azalina Othman Said berkata ia selaras dengan kehendak Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak berpuas hati dengan keanggotaan 93,000 orang sekarang.

"Objektif utama kami sekarang ialah menambah keanggotaan sebab ini disebut terang-terang oleh Presiden parti, dia katakan dia tidak puas hati dengan keanggotaan kita," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat sulung Exco pergerakan itu, di sini, hari ini.

Beliau berkata antara usaha yang dirancang untuk tujuan itu termasuk program bersama dengan pergerakan Pemuda Umno iaitu program keanggotaan dan program pendaftaran Suruhanjaya Pilihan Raya.

Ditanya mengenai kumpulan sasar pergerakan itu, Azalina berkata tumpuan akan diberikan kepada usaha menarik lebih ramai penuntut wanita di institusi pengajian tinggi menyertai Puteri.

Selain itu, Azalina berkata pergerakan itu juga akan memberi tumpuan kepada masalah pengangguran di kalangan graduan negara ini.

Masalah itu perlu ditangani memandangkan hampir 40 peratus daripada anggota Puteri Umno adalah graduan menganggur.

"Kami agak bimbang dengan pengangguran di kalangan generasi muda terutamanya wanita," katanya.

Azalina berkata pergerakan itu juga akan memberi perhatian kepada isu rogol membabitkan kanak-kanak dan kes sumbang mahram yang semakin banyak dilaporkan media.

"Kami amat bimbang dengan perkara ini... adakah undang-undang yang tidak begitu tegas atau proses penangkapan ataupun sifat manusia yang macam tidak ada perikemanusiaan," katanya.

Menurutnya pergerakan itu akan meneliti fenomena itu menerusi beberapa biro yang telah ditubuhkan.

"Kita ada Biro Perundangan, Biro Pengaduan Awam dan Biro Kebajikan, dan kita berharap ketiga-tiga biro ini duduk sama berbincang mengenai pelbagai perkara ini. Kita juga ada Biro Pembangunan Wanita dan Keluarga," katanya.

Pergerakan itu menubuhkan 18 biro yang mempunyai masa sehingga 20 Nov ini untuk menyerahkan kertas kerja pertama mereka mengenai program yang akan mereka laksanakan.

-- BERNAMA

NM AZH NAK